

# Najib, Rumsfeld bincang kerjasama

BH - 5/6/2006

## Pertemuan 30 minit sentuh hubungan pertahanan, isu serantau

**S**INGAPURA: Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengadakan perbincangan dengan Setiausaha Pertahanan Amerika Syarikat, Donald Rumsfeld sempena Dialog The Shangri-La, yang diadakan di sini, semalam.

Dalam pertemuan 30 minit itu, kedua-dua pemimpin berkenaan mengalu-alukan hubungan cemerlang kedua-dua negara, terutama dalam bidang pertahanan.

Selepas pertemuan itu, Najib, yang juga Menteri Pertahanan, memberitahu pemberita bahawa perbincangan mereka amat berguna.

"Kami bangga dengan tahap ker-

**“***Kami bangga dengan tahap kerjasama dalam bidang pertahanan. Kami komited bagi memastikan rantau ini sentiasa aman dan selamat”*

**Najib Razak**  
Timbalan Perdana Menteri

jasama kedua-dua negara khususnya dalam bidang pertahanan. Seperti yang anda tahu, kami komited bagi memastikan rantau di sebelah dunia di sini sentiasa aman dan selamat dan kami akan melaksanakan peranan kami.

"Kejayaan menangkap sebilangan anggota militan di Sabah baru-baru ini membuktikan dan menguatkan komitmen kami untuk melindungi bahagian dunia kita di sini," katanya.

Beliau berkata, Malaysia juga komited dalam membantu masyarakat antarabangsa apabila diperlukan.

"Komitmen kami di Timor Leste dan Selatan Filipina juga sebagai pe-

tanda baik peranan kita membantu masyarakat antarabangsa. Kami bersetuju untuk terus menjalinkan kerjasama khusus dalam antipenganas," katanya.

Dalam pada itu, Rumsfeld berkata: "Saya sudah tentu bersetuju bahawa kita membangunkan hubungan ketenteraan antara kedua-dua negara dan kerjasama memerangi keganasan demi kebaikan kedua negara.

"Juga saya berterima kasih kepada menteri (Najib) atas peranan negara itu berkaitan Timor Leste serta kerjasama mereka dengan Australia dalam memberi bantuan di negara kecil itu," katanya. - Bernama